

**Pemuda Minta Adakan Lebih Banyak Taklimat Dan Bengkel Pilihan Raya
Bernama
28 November, 2012**

KUALA LUMPUR, 28 Nov (Bernama) -- Pemuda Umno Negeri Sembilan mahu lebih banyak taklimat dan bengkel pilihan raya dibuat kepada petugas parti menjelang pilihan raya umum akan datang.

Ketua Pemuda Umno bahagian Tampin Mohd Mohd Isa berkata taklimat berterusan mampu memantapkan kesiapsiagaan jentera, selain menambahkan lagi pengetahuan, khususnya dalam aspek menangkis serangan dan tipu helah pakatan pembangkang.

Beliau juga mencadangkan Pemuda diberi lebih peranan dalam menggembleng jentera pilihan raya seterusnya diperuntukkan jawatan di dalam parti dan kerajaan untuk menambah keyakinan dan sokongan pengundi muda kepada Umno dan Barisan Nasional (BN).

"Pada pilihan raya umum yang bakal tiba, lebih 40 peratus daripada pengundi terdiri daripada golongan muda.

"Jadi, apabila Pemuda diberi lebih peranan, ia sekali gus dapat menarik lebih minat pengundi dari kalangan orang muda untuk memilih BN sebagai kerajaan," katanya ketika membahaskan usul ucapan Ketua Pemuda pada Perhimpunan Pergerakan Pemuda Umno 2012 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Sementara itu beberapa perwakilan mahu kerajaan mengkaji dan memenuhi beberapa keperluan golongan muda seperti memperbanyakkan rumah mampu milik di bandar, membina institut latihan dan kemahiran minyak dan gas serta menambah peruntukan kepada persatuan belia menubuhkan Badan Ulama Pemuda yang dinaungi Pemuda Umno.

Ketua Pemuda bahagian Labuan Mohd Rafi Alli Hassan berkata saranan memperbanyakkan perumahan mampu milik di kawasan bandar adalah sejajar dengan hasrat pergerakan itu untuk menjuarai aspirasi orang muda, khususnya mereka yang tidak berkemampuan memiliki rumah.

Ketua Pemuda bahagian Parit, Perak Khairil Shahril Mohamed pula menyokong cadangan pergerakan itu untuk menubuhkan kelab penyokong Umno di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan mahu ia dikembangkan ke seluruh negeri.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=712372>